KANUN TANAH NEGARA

KAEDAH-KAEDAH KUARI TERENGGANU 2007

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

Kaedah

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

KEGIATAN KUARI

3. Tugas pemegang permit atau pemegang lesen
4. Skim kuari dan notis bermulanya kegiatan, dan sebagainya
5. Permit atau lesen dipamerkan di kuari
6. Ukur
7. Pengurus
8. Arahan oleh pengurus
9. Buku Rekod Pemeriksaan
10. Pelan Kuari
11. Penyata
12. Laluan masuk, pemeriksaan dan sebagainya ke atas kuari
13. Perlindungan alam sekitar dan kawalan pencemaran

BAHAGIAN III

KEPERLUAN KESELAMATAN

14. Tempat bekerja yang tinggi dan curam hendaklah terkawal keselamatannya
15. Perlepasan diri daripada tempat kerja dan laluan ke tempat kerja
16. Peralatan keselamatan tidak boleh dialih dan sebagainya
17. Alat bantu pernafasan, topi keselamatan dan kasut keselamatan
18. Alat pertolongan cemas

19. Jentera yang digunakan di kuari
20. Bahan letupan yang disimpan, digunakan dan sebagainya di dalam kuari sepertimana yang sudah diluluskan
21. Prosiding apabila berlakunya kemalangan

BAHAGIAN IV

KUASA PEGAWAI

22. Kuasa Merinyu Kuari
23. Kuasa Pembantu Kuari
24. Kuasa Pengarah Tanah dan Galian Negeri
25. Merinyu Kuari boleh memberhentikan apa-apa kegiatan kuari
26. Arahan mengenai hampas kuari dan sebagainya
27. Pengenalan pegawai

BAHAGIAN V

KESALAHAN DAN DENDA

28. Pelanggaran kaedah-kaedah
29. Kelakuan cuai
30. Pelanggaran yang membahayakan nyawa dan harta
31. Pendakwaan
32. Pengkompaunan kesalahan

BAHAGIAN VI

AM

33. Liabiliti jenayah atau sivil tidak terlibat
34. Liabiliti majikan
35. Tiada liabiliti ke atas pegawai
36. Endapan mineral yang didedahkan oleh kegiatan kuari boleh dilombongkan
37. Pengecualian

JADUAL PERTAMA Kecederaan badan yang teruk

JADUAL KEDUA Pengkompaunan kesalahan

KANUN TANAH NEGARA

KAEDAH-KAEDAH KUARI TERENGGANU 2007

BAHAGIAN I

PERMULAAN

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 14 Kanun Tanah Negara [*Akta 56 Tahun 1965*] Pihak Berkuasa Negeri membuat kaedah-kaedah berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah-Kaedah Kuari Terengganu 2007.

(2) Kaedah-kaedah ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2007.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain -

"bahan batuan" ertinya apa-apa tanah, kelikir, batu, batu karang, kulit kerang, guano, pasir, lom, atau tanah liat atau apa-apa batu-bata, kapur, simen atau barangan lain yang dibuat daripada bahan tersebut;

"bahan letupan" ertinya apa-apa bahan yang digunakan dengan tujuan untuk mengeluarkan suatu kesan praktikal melalui letupan dan termasuk serbuk senjata api, bahan letupan berdasarkan nitrogliserin, bahan letupan berdasarkan ammonium nitrat, apa-apa agen perletupan lain, fius keselamatan, peledak, talian meledak, tiub kejutan dan apa-apa alat yang memulakan ledakan;

"jurukur" ertinya seorang jurukur berkelayakan yang didaftarkan dengan Institut Jurukur Malaysia;

"kanun" ertinya Kanun Tanah Negara;

"konsultan" ertinya seorang jurutera perlombongan atau sumber mineral profesional atau mana-mana jurutera profesional lain yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia, yang mempunyai pengalaman pengkuarian yang cukup dan dianggap kompeten oleh Merinyu Kuari;

"kuari" apabila digunakan sebagai kata nama, ertinya apa-apa penggalian terbuka atau bawah tanah, selain daripada yang dikawal di bawah apa-apa

undang-undang bertulis berkaitan dengan mineral, yang dibuat untuk mengeluarkan dan memindahkan bahan batuan dari mana-mana tanah dan termasuk penghancuran atau kerja pengolahan lain di atas tempat itu atau di mana-mana tempat lain dalam Negeri;

"kuari" apabila digunakan sebagai kata kerja, ertinya memecahkan atau menggali bumi untuk tujuan mengeluarkan dan memindahkan bahan batuan daripada mana-mana tanah dan termasuk proses penghancuran, pengisaran, penyediaan atau pengolahan lain ke atas bahan itu di atas tempat itu atau di mana-mana tempat lain dalam Negeri;

"lesen" ertinya dokumen yang dikeluarkan di bawah seksyen 69 Kanun;

"mesin" ertinya enjin, mesin penggerak tanah, alat pemampat udara, alat penggerudian, mesin pemotong, mesin gergaji, talian pengangkut, penghancur batuan, pengisar batuan dan semua peralatan lain dari apa-apa jenis pun yang digunakan di kuari;

"Merinyu Kuari" ertinya mana-mana pegawai awam yang berkelayakan sebagai jurutera perlombongan atau sumber mineral atau mana-mana pegawai awam lain yang berkelayakan sebagai jurutera dalam mana-mana bidang lain yang mempunyai pengetahuan yang cukup dalam bidang kuari sebagaimana yang ditentukan kompeten oleh Pihak Berkuasa Negeri dan dilantik di bawah seksyen 12 Kanun;

"pegawai" ertinya Merinyu Kuari atau Pembantu Kuari;

"pegawai awam" ertinya seseorang yang secara sah memegang, memangku atau menjalankan fungsi suatu jawatan awam sebagaimana yang ditafsirkan dalam sekyen 3 Akta Tafsiran, 1948 dan 1967 [*Akta 388*];

"Pembantu Kuari" ertinya mana-mana pegawai awam yang pada masa ini diberi kuasa oleh Merinyu Kuari untuk menjalankan kuasa menyelia dan mengawal kuari;

"pemegang lesen" ertinya orang atau orang-orang yang dinamakan dalam sesuatu lesen;

"pemegang permit" ertinya mana-mana orang yang telah diberi suatu permit;

"pengurus" ertinya orang yang pada masa ini direkodkan di pejabat Merinyu Kuari sebagai pengurus kuari di bawah subkaedah 7(3) atau yang disifatkan sebagai Pengurus Kuari sepatutnya di bawah subkaedah 7(6);

"permit" ertinya permit yang dikeluarkan di bawah seksyen 71 Kanun.

BAHAGIAN II

KEGIATAN KUARI

Tugas pemegang permit atau pemegang lesen

3. Pemegang permit atau pemegang lesen hendaklah -

(a) menjalankan semua kegiatan kuarinya dengan selamat, penuh kemahiran, cekap dan cara kerja yang teratur;

(b) tidak mengakibatkan apa-apa bahaya, kerosakan atau kesusahan kepada nyawa atau harta;

(c) menggunakan semua langkah berjaga-jaga yang sesuai dalam semua kegiatan kuari;

(d) mematuhi dan menuruti semua syarat permit atau lesen, arahan, perintah dan peraturan yang dibuat di bawah Kaedah-Kaedah ini; dan

(e) menuruti semua undang-undang, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang kini berkuat kuasa.

Skim kuari dan notis bermulanya kegiatan; dan sebagainya.

4. (1) Pemegang permit atau pemegang lesen tidak boleh memulakan apa-apa kerja untuk mengendali atau menjalankan sebuah kuari sebelum mendapat kelulusan daripada Merinyu Kuari ke atas suatu skim yang dikemukakan bagi pihaknya oleh konsultannya.

(2) Skim itu hendaklah -

(a) menunjukkan bahawa pertimbangan secukupnya sudah diberi kepada keselamatan orang awam dan orang-orang yang terlibat dalam kerja itu;

(b) direka bentuk sebegitu cara bagi membuatkannya praktikal di masa hadapan untuk kawasan kuari yang terlibat oleh skim itu;

(c) bertujuan untuk memberi perolehan bahan batuan yang semaksimum mungkin setelah mengambil kira amalan kejuruteraan yang mantap;

(d) menyediakan langkah-langkah pembuangan bahan buangan dan suatu program tebus guna dan perlindungan ke atas tempat kerja yang ditinggalkan;

(e) menyediakan langkah-langkah perlindungan alam sekitar menurut mana-mana undang-undang yang ada pada masa ini berkuat kuasa berkaitan dengan alam sekitar atau kawalan pencemaran; dan

(f) mengandungi apa-apa butiran dan maklumat lain sepertimana yang mungkin dikehendaki.

(3) Apabila kegiatan di kuari hendak bermula atau berhenti, pemegang permit atau pemegang lesen atau pengurus, melalui konsultannya, hendaklah memberitahu Merinyu Kuari secara bertulis tarikh peristiwa itu.

(4) Pemberitahuan itu hendaklah disertakan bersama pemerhatian konsultan mengenai keadaan kuari pada masa itu.

Permit atau lesen dipamerkan di kuari

5. (1) Setiap pemegang permit atau pemegang lesen hendaklah berterusan mempamerkan di pejabatnya di kuari, permit atau lesen yang dikeluarkan kepadanya mengenai kuari tersebut.

(2) Mana-mana orang yang, tanpa alasan munasabah, gagal mempamerkan atau menunjukkan permit atau lesen itu adalah melakukan suatu kesalahan.

Ukur

6. Seorang pemegang permit atau pemegang lesen hendaklah, jika dikehendaki berbuat demikian oleh mana-mana pegawai, menggunakan khidmat seorang jurukur untuk menunjukkan kepadanya -

(a) sempadan kawasan pajakannya atau lesennya;

(b) isi padu bahan batuan yang digali; dan

(c) apa-apa butiran lain.

Pengurus

7. (1) Pemegang permit atau pemegang lesen hendaklah memberitahu secara bertulis kepada Merinyu Kuari nama, alamat dan kelulusan pengurus kuari yang dicalonkan bagi kuari.

(2) Merinyu Kuari boleh menolak mana-mana orang yang dicalonkan sebagai pengurus dan boleh menghendaki pemegang permit atau pemegang lesen mencalonkan orang yang lain sebagai pengurus.

(3) Jika Merinyu Kuari meluluskan orang yang dicalonkan sebagai pengurus, dia hendaklah merekodkan nama orang itu di pejabatnya, dan orang yang direkodkan itu, untuk tujuan Kaedah-Kaedah ini, hendaklah menjadi pengurus kuari.

(4) Jika orang yang direkodkan itu berhenti menjadi pengurus kuari, pemegang permit atau pemegang lesen hendaklah dalam masa tiga hari dari

tarikh pemberhentian itu, memberitahu secara bertulis kepada Merinyu Kuari mengenai perkara itu dan ia boleh mencalonkan seorang lain sebagai pengurus.

(5) Kelulusan Merinyu Kuari di bawah subkaedah (3) hendaklah diberi secara bertulis dan setiap orang yang diluluskan hendaklah menunjukkan dan membenarkan pemeriksaan terhadap kelulusan itu bila-bila masa dikehendaki berbuat demikian oleh mana-mana pegawai.

(6) Dalam keadaan di mana tiada pengurus diluluskan sepanjang sesuatu tempoh dan oleh kerana apa-apa jua sebab, pemegang permit atau pemegang lesen, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah disifatkan sebagai pengurus.

Arahan oleh pengurus

8. (1) Melainkan dikecualikan oleh Merinyu Kuari, pengurus hendaklah, dalam masa tiga puluh hari selepas diluluskan di bawah subkaedah 7(3), membentuk arahan tertentu untuk kelakuan dan petunjuk kepada orang yang bekerja di dalam atau di sekitar kuari dan di sekeliling peralatan kuari dan kerja sampingan sebagaimana di bawah keadaan tertentu yang dikira terbaik untuk memastikan kesihatan dan keselamatan mereka;

Dengan syarat bahawa Merinyu Kuari boleh pada bila-bila masa mengarahkan pengurus membentuk arahan baru, atau mengubah, menambah atau menggantikan arahan yang sedia ada sebagaimana yang diluluskan di bawah kaedah ini.

(2) Satu salinan arahan itu hendaklah dengan segera dihantar kepada Merinyu Kuari, dan jika Merinyu Kuari dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penerimaan arahan tersebut tidak membuat bantahan terhadapnya secara bertulis kepada pengurus, arahan tersebut hendaklah berkuat kuasa.

(3) Jika Merinyu Kuari tidak meluluskan mana-mana arahan yang dicadangkan, dia hendaklah dalam masa tiga puluh hari selepas menerimanya, mencadangkan dan menghantar kepada pengurus yang membentuk arahan itu, apa-apa pengubahsuaian atau penambahan ke atasnya atau penggantian arahan itu dengan apa-apa arahan lain.

(4) Jika pengurus dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penerimaan arahan yang telah dipinda tidak membantah secara bertulis terhadap pengubahsuaian, penambahan atau penggantian itu, arahan terpinda itu hendaklah berkuat kuasa.

(5) Jika pengurus dalam masa yang dinyatakan dalam perenggan (4), Kaedah ini membantah secara bertulis terhadap pengubahsuaian, penambahan atau penggantian itu, perkara yang menjadi pertikaian itu hendaklah dirujuk

kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri yang mana keputusannya adalah muktamad dan semua pihak hendaklah terikat dengannya.

(6) Mana-mana arahan itu hendaklah terhenti berkuat kuasa sebaik sahaja Merinyu Kuari, dengan persetujuan Pengarah Tanah dan Galian Negeri, secara bertulis menarik balik persetujuannya.

(7) Satu salinan arahan itu hendaklah sentiasa dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di bangunan induk dan di tempat lain yang sesuai di kuari bagi membolehkan semua orang yang bekerja di kuari itu mempunyai akses ke tempat itu dan mempunyai peluang untuk membacanya.

Buku Rekod Pemeriksaan

9. (1) Satu buku dalam bentuk yang diluluskan oleh Merinyu Kuari, yang dikenali sebagai Buku Rekod Pemeriksaan, hendaklah disimpan oleh pengurus dalam mana ia hendaklah mengesahkan, sekurang-kurangnya sekali dalam sepuluh hari atau sebagaimana diarah oleh Merinyu Kuari, bahawa dia atau mana-mana orang yang kompeten yang dilantik olehnya telah dengan sendirinya memeriksa setiap bahagian kuari dan kenyataan yang, pada masa pemeriksaan, dia mendapati ada di dalam kuari mengenai keselamatan kerja dan kerja sampingan, alat kawalan pencemaran tidak sempurna atau menjumpai apa-apa sumber pencemaran yang baru, dan hendaklah menentukan apa-apa pembaikan atau pengubahsuaian yang pada pendapatnya diperlukan untuk memastikan keselamatan yang lebih baik kepada orang yang bekerja di dalam atau di sekitar kuari, atau kepada nyawa dan harta benda yang lain, dan sebaik sahaja pembaikan atau pengubahsuaian itu telah dilakukan, merekodkannya ke dalam buku tersebut.

(2) Apabila seorang pegawai telah memeriksa suatu kuari atau kerja sampingan kepada kuari itu, ia hendaklah memasukkan ke dalam Buku Rekod Pemeriksaan dapatan pendapatnya hasil daripada pemeriksaan itu, dan ia hendaklah juga merekodkan apa-apa pengubahsuaian atau keperluan yang disifatkannya perlu.

(3) Walau apa pun yang terkandung atau tertinggal daripada laporan seseorang pegawai , laporan tersebut tidak boleh dipegang sebagai menghadkan atau memberi kesan terhadap tanggungjawab pemegang permit atau pemegang lesen atau pengurus di bawah Kaedah-Kaedah ini.

(4) Buku Rekod Pemeriksaan hendaklah disenggara dengan baik dan dibuka pada setiap masa yang munasabah untuk pemeriksaan oleh mana-mana pegawai dan semua kemasukan maklumat ke dalamnya hendaklah ditulis dengan terang dan mudah difahami dengan dakwat dalam Bahasa Melayu atau Inggeris.

(5) Tiada apa pun di dalam Kaedah-Kaedah ini boleh ditafsirkan sebagai mengenakan kewajipan untuk menyimpan Buku Rekod Pemeriksaan atau

salinannya selama lebih daripada dua belas bulan selepas Buku Rekod Pemeriksaan itu terhenti daripada dipakai untuk catatan ke dalamnya di bawah kaedah ini.

Pelan kuari

10. Pemegang permit atau pemegang lesen atau pengurus hendaklah menyimpan pelan kerja kuari sebagaimana yang diluluskan oleh Merinyu Kuari dan membekalkan kepadanya salinan-salinan tepat pelan tersebut atau pelan-pelan lain dalam simpanannya yang disediakan dalam bentuk yang diperlukan oleh Merinyu Kuari.

Penyata

11. Pemegang permit atau pemegang lesen atau pengurus hendaklah mengemukakan penyata-penyata mengandungi maklumat kegiatan kuarinya dengan keterangan tertentu, dalam bentuk dan pada masa tertentu sebagaimana ditentukan sama ada secara am atau dalam kes tertentu oleh Merinyu Kuari.

Laluan masuk, pemeriksaan, dan sebagainya ke atas kuari

12. Pemegang permit atau pemegang lesen atau pengurus dan semua pekerja kuari hendaklah memberi kepada setiap pegawai setiap kemudahan yang perlu untuk memasuki, memeriksa, menyiasat, menyoal, mengambil sampel di mana-mana bahagian kuari atau untuk perkara yang lain dalam menjalankan kuasa-kuasanya di bawah Kaedah–Kaedah ini.

Perlindungan alam sekitar dan kawalan pencemaran

13. (1) Pemegang permit atau pemegang lesen atau pengurus hendaklah mengambil langkah untuk menentukan pematuhan kepada semua undang-undang yang berkaitan dengan perlindungan alam sekitar dan kawalan pencemaran.

(2) Merinyu Kuari boleh menghendaki pemegang permit atau pemegang lesen menjalankan apa-apa kawalan yang perlu ke atas langkah-langkah perlindungan yang berkaitan dengan peletupan, bunyi bising, gegaran, batu terbang, enap cemar, wasap, atau zarah habuk di kawasan kegiatan kuari dan boleh menentukan piawaian atau had yang perlu dipatuhi oleh pemegang permit atau pemegang lesen.

(3) Merinyu Kuari boleh menghendaki pemegang permit atau pemegang lesen memasang dan mengendali alat pemantau tertentu yang berkaitan dengan bunyi bising, gegaran, batu terbang, enap cemar, wasap atau zarah habuk dan menyelenggara mengikut cara tertentu sebagaimana yang diarahkan olehnya,

rekod bacaan apa-apa bunyi bising, gegaran, batu terbang, enap cemar, wasap atau zarah habuk akibat daripada apa-apa kegiatan kuari.

BAHAGIAN III

KEPERLUAN KESELAMATAN

Tempat bekerja yang tinggi dan curam hendaklah terkawal keselamatannya

14. (1) Tiada seorang pun boleh bekerja atau disebabkan atau dibenarkan bekerja di mana-mana tempat yang tinggi dan curam, di mana kegelinciran atau hilang keseimbangan yang tidak disengajakan boleh mengakibatkan orang itu terjatuh, melainkan orang itu diikat dengan tali keselamatan atau terkawal keselamatannya secara lain.

(2) Pemegang permit atau pemegang lesen atau pengurus hendaklah membuat petangga atau cerun pada mana-mana muka kuari hingga ke tahap tertentu sebagaimana yang diperlukan oleh mana-mana pegawai untuk memastikan kesetabilannya.

Melepaskan diri daripada tempat kerja dan laluan masuk ke tempat kerja

15. (1) Kemudahan yang sesuai untuk melepaskan diri dalam keadaan kecemasan mestilah disediakan di semua tempat kerja.

(2) Di setiap kuari di mana jalan masuk ke tempat kerja adalah melalui shaf, winz atau permukaan condong, satu laluan jalan kaki yang mencukupi, tali pandu, rantai atau tangga mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah disediakan sebagai pilihan.

(3) Tali kawat atau urat tali kawat tidak boleh digunakan untuk tujuan memanjat jika ia sudah berjerumbai atau mempunyai kawat yang sudah terkeluar.

(4) Setiap tangga yang digunakan hendaklah, melainkan dikecualikan oleh Merinyu Kuari :

(a) dipasang dengan kemas pada suatu kecondongan di antara lima belas dan dua puluh darjah daripada pugak tetapi tidak dalam keadaan yang tergantung;

(b) mempunyai tepian kayu dengan ukuran keratan lintang tidak kurang daripada lima sentimeter kali sepuluh sentimeter;

(c) mempunyai anak tangga besi yang bergaris pusat tidak kurang daripada enam belas milimeter dan jarak yang tidak melebihi dua puluh lima sentimeter di antara titik-titik tengah anak tangga;

(d) mempunyai pengikat tangga pada selang yang tidak lebih daripada tiga meter;

(e) tidak mempunyai ketinggian pugak melebihi sepuluh meter tanpa tempat perhentian berpelantar; dan

(f) menonjol tidak kurang daripada satu meter tinggi daripada pelantar pada hujung sebelah atasnya.

Peralatan keselamatan tidak boleh dialih dan sebagainya

16. Tiada seseorang pun, melainkan diberi kuasa bagi maksud itu, boleh dengan sengaja mengalih, mengubah atau melakukan kerosakan kepada mana-mana pagar, kayu, penutup, tali gandar, rantai, pengukur tangga, injap keselamatan, atau apa-apa jua di dalam atau di sekitar kuari yang disediakan untuk keselamatan mana-mana orang.

Alat bantuan pernafasan, topi keselamatan dan kasut keselamatan

17. Alat bantuan pernafasan, topi keselamatan dan kasut keselamatan yang diluluskan tahap mutunya hendaklah dibekalkan dan hendaklah digunakan oleh setiap orang yang berada di bahagian tertentu kuari, sepertimana yang diarahkan oleh Merinyu Kuari.

Alat pertolongan cemas

18. Setiap kuari hendaklah dilengkapkan dengan peralatan pertolongan cemas secukupnya.

Jentera yang digunakan di kuari

19. Semua jentera yang digunakan di dalam kuari hendaklah mempunyai suatu tahap mutu yang diluluskan oleh Merinyu Kuari dan penggunaan, pengurusan atau pengendalian jentera itu hendaklah menurut prosedur yang diluluskan oleh Merinyu Kuari.

Bahan letupan hendaklah disimpan, digunakan dan sebagainya di dalam kuari sebagaimana diluluskan

20. Tiada bahan letupan boleh dibawa, disimpan, diletakkan, dialih-alihkan atau digunakan di dalam mana-mana kuari kecuali bahan letupan itu daripada jenis dan piawaian tertentu, di tempat tertentu, pada kuantiti tertentu, dengan cara tertentu dan tertakluk di bawah syarat-syarat tertentu sebagaimana yang diluluskan oleh Merinyu Kuari.

Prosiding apabila berlaku kemalangan

21. (1) Apabila berlaku apa-apa kemalangan yang menyebabkan atau mengakibatkan -

(a) kehilangan nyawa atau kecederaan badan yang teruk kepada mana-mana orang; atau

(b) kerosakan teruk kepada harta mana-mana orang yang bukan pemegang permit atau pemegang lesen atau Kerajaan;

di dalam mana-mana kuari atau yang berkaitan dengan apa-apa jua kerja yang berhubungan atau yang berkaitan dengan kegiatan kuari, hendaklah menjadi tugas pengurus atau orang lain yang bertanggungjawab ke atas kuari pada masa itu melaporkan kepada Merinyu Kuari, Pentadbir Tanah dan polis dengan cara yang secepat mungkin dan seterusnya dengan kelewatan paling kurang yang mungkin membuat laporan bertulis kepada Merinyu Kuari, Pentadbir Tanah dan polis mengenai fakta kejadian itu sejauh mana yang diketahui olehnya.

(2) Apabila berlaku suatu kemalangan sebagaimana yang dinyatakan dalam subkaedah (1), semua kegiatan kuari yang berkenaan dengan kemalangan tersebut hendaklah dengan serta merta dihentikan dan tidak boleh berjalan semula sehingga Merinyu Kuari berpuas hati dan memperakukan bahawa semua langkah keselamatan dan langkah berjaga-jaga telah diambil atau telah dipatuhi dan operasi kuari boleh diteruskan semula.

(3) Bagi maksud kaedah ini, `"kecederaan badan yang teruk" ertinya apa-apa kecederaan sebagaimana yang disenaraikan dalam Jadual Pertama.

BAHAGIAN V

KUASA PEGAWAI

Kuasa Merinyu Kuari

22. Merinyu Kuari hendaklah mempunyai kuasa untuk -

(a) mengarah dan mangawal menurut peruntukan Kaedah-Kaedah ini kegiatan mana-mana kuari di atas mana-mana tanah di bawah lesen menduduki sementara atau suatu permit;

(b) meminta dan memeriksa, pada bila-bila masa yang difikirkannya perlu,

apa-apa permit, lesen atau dokumen lain yang berhubung dengan kegiatan kuari;

(c) memasuki, memeriksa dan meneliti, mana-mana kuari dan mana-mana tempat yang dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa kegiatan kuari sedang dijalankan;

(d) mengambil langkah-langkah tertentu yang difikirkannya sesuai untuk menentukan penggunaan langkah berjaga-jaga yang sepatutnya dalam semua kegiatan kuari untuk menghindarkan apa-apa bahaya, kerosakan atau ketidakselesaan kepada nyawa atau harta;

(e) memberi semua arahan yang sah sebagaimana perlu untuk membolehkannya melaksanakan tugas yang dikenakan ke atasnya dengan berkesan dan untuk menjalankan kuasa seperti mana yang diletakhak ke atasnya oleh peruntukan Kaedah-Kaedah ini, dan setiap arahan tersebut hendaklah diberi secara bertulis jika dikehendaki sedemikian oleh mana-mana orang yang terlibat dengan arahan itu;

(f) menangkap dengan atau tanpa waran (jika perlu dengan pertolongan polis) mana-mana orang yang didapatinya melakukan kesalahan terhadap peruntukan Kanun yang berkaitan dengan kuari atau peruntukan Kaedah-Kaedah ini;

(g) menghendaki mana-mana orang yang difikirkannya perlu untuk memberikan penyataan mengenai apa-apa perkara dalam mana ia adalah tugasnya untuk menyiasat;

(h) mengambil sampel daripada mana-mana bahan sama ada pepejal, cecair, gas atau wap yang dikeluarkan daripada kuari; dan

(i) menjalankan semua kuasa yang lain sebagaimana yang perlu bagi menguatkuasakan peruntukan Kanun yang berkaitan dengan kuari dan peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

Kuasa Pembantu Kuari

23. Tertakluk kepada had kuasanya dan apa-apa arahan daripada Merinyu Kuari, seorang Pembantu Kuari hendaklah mempunyai semua kuasa yang ada pada Merinyu Kuari.

Kuasa Pengarah Tanah dan Galian Negeri

24. Pengarah Tanah dan Galian Negeri hendaklah mempunyai semua kuasa Merinyu Kuari dan boleh membatalkan secara bertulis apa-apa arahan Merinyu Kuari.

Merinyu Kuari boleh memberhentikan apa-apa kegiatan di kuari

25. Jika pada bila-bila masa Merinyu Kuari mendapati bahawa apa-apa kegiatan di kuari dijalankan dengan menyalahi terma-terma dan syarat-syarat lesen atau permit dalam keadaan tertentu yang berkemungkinan akan menyebabkan bahaya kepada nyawa atau harta, adalah sah bagi Merinyu Kuari mengeluarkan arahan pemberhentian kegiatan dengan serta merta dan pemindahan semua orang daripada kuari itu atau mana-mana bahagiannya sehingga tindakan tertentu dibuat yang adalah, pada pendapat Merinyu Kuari, perlu sama ada untuk memastikan pematuhan terhadap kehendak itu atau untuk mengelakkan bahaya, atau membenarkan kegiatan itu diteruskan dengan langkah berjaga-jaga yang tertentu diambil sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Merinyu Kuari.

Arahan mengenai hampas kuari dan sebagainya

26. (1) Merinyu Kuari hendaklah mempunyai kuasa untuk memberi arahan tertentu sebagaimana yang perlu untuk mengawal pembuangan tanah, selut, kotoran, kumbahan atau bahan buangan lain daripada mana-mana kuari, loji pemecah, pemprosesan atau pengasingan, alur air atau tempat lain.

(2) Merinyu Kuari boleh mengarahkan langkah berjaga-jaga tertentu diambil dan empangan, alur limpah, aluran tertentu dan kerja lain dibina dan disenggara sebagaimana pada pendapatnya adalah perlu untuk memastikan tanah, selut, kotoran, kumbahan dan bahan buangan lain daripada mana-mana kuari, loji pemecah, pemprosesan atau pengasingan, alur air atau tempat tidak dibawa atau dihanyutkan oleh air hujan atau air yang digunakan untuk tujuan kerja-kerja di kuari ke mana-mana tempat yang bukannya tempat untuk membuang bahan tersebut secara sah di sisi undang-undang.

Pengenalan pegawai

27. Mana-mana pegawai yang hendak memasuki mana-mana kuari di bawah kuasa yang diberikan kepadanya oleh Kaedah-Kaedah ini, hendaklah menunjukkan apabila diminta, untuk pemeriksaan, suatu kad kuasa yang menyatakan jawatan dan kuasanya, dan tiada seorang pun berkewajipan untuk membenarkan masuk ke dalam kuarinya mana-mana orang yang mendakwa dirinya sebagai pegawai sedemikian kecuali apabila ditunjukkan kad kuasa berkenaan.

BAHAGIAN V

KESALAHAN DAN DENDA

Pelanggaran Kaedah-Kaedah

28. Mana-mana orang yang -

(a) gagal menjalankan kegiatan kuari menurut peruntukan Kaedah-Kaedah ini;

(b) melanggar atau gagal untuk mematuhi mana-mana peruntukan Kaedah-

Kaedah ini;

(c) menghalang atau dengan apa-apa cara menghalang mana-mana pegawai dalam menjalankan kuasanya di bawah Kaedah-Kaedah ini;

(d) gagal untuk mematuhi mana-mana arahan yang sah diberi oleh seorang pegawai dalam menjalankan mana-mana kuasa di bawah Kaedah-Kaedah ini; atau

(e) dengan sengaja tidak memberi apa-apa maklumat atau menyembunyikan atau menghalang, atau cuba menyembunyikan atau menghalang mana-mana orang daripada berjumpa dengan atau disoal siasat oleh seorang pegawai;

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit dan satu ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan.

Kelakuan cuai

29. Mana-mana orang yang bekerja di dalam atau di sekitar kuari yang melakukan apa-apa perbuatan dengan cara yang tidak mahir atau cara bekerja yang tidak sepatutnya yang boleh menyebabkan bahaya atau kerosakan kepada mana-mana orang yang terdapat di dalam atau di sekitar kuari itu atau gagal untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang sesuai dan berpatutan sebagaimana perlu untuk menjamin keselamatan mana-mana orang di dalam atau di sekitar kuari itu adalah melakukan satu kesalahan dan, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Pelanggaran yang membahayakan nyawa dan harta

30. Jika seseorang yang adalah pemilik, pemegang permit atau pemegang lesen sesuatu kuari atau mana-mana pengurus atau orang yang diambil bekerja di dalam atau di sekitar kuari melakukan pelanggaran terhadap mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini yang pada pendapat mana-mana Mahkamah yang di hadapannya prosiding itu dijalankan adalah semunasabahnya dikira boleh membahayakan keselamatan nyawa dan harta atau boleh mengakibatkan satu kemalangan bahaya, dan satu kemalangan telah berlaku akibat daripada kemungkinan atau kecuaian itu, orang itu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya.

Pendakwaan

31. Merinyu Kuari atau Pengarah Tanah dan Galian Negeri yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pendakwa Raya boleh menjalankan pendakwaan bagi mana-mana kesalahan di bawah Kaedah-Kaedah ini.

Pengkompaunan kesalahan

32. (1) Kecuali kaedah 30, Merinyu Kuari atau Pengarah Tanah dan Galian Negeri boleh, sebagai ganti kepada mengambil prosiding ke atas mana-mana orang berkenaan dengan apa-apa kesalahan terhadap peruntukan Kaedah-Kaedah ini, mengkompaunkan kesalahan itu dengan menerima daripada orang tersebut suatu jumlah wang tidak melebihi lima ratus ringgit.

(2) Cara dan prosedur untuk mengkompaunkan kesalahan adalah sebagaimana ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(3) Pengkompaunan sesuatu kesalahan di bawah kaedah ini hendaklah memberi kesan sebagai pembebasan terhadap tertuduh.

BAHAGIAN VI

AM

Liabiliti jenayah atau sivil tidak terlibat

33. Tiada apa pun di dalam Kaedah-Kaedah ini boleh berkuat kuasa sebagai mengecualikan mana-mana orang daripada apa-apa liabiliti sivil atau jenayah.

Liabiliti majikan

34. Apabila dibuktikan dengan memuaskan hati mana-mana Mahkamah yang mempunyai bidang kuasa bahawa suatu pelanggaran ke atas mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini telah dilakukan oleh mana-mana orang yang bekerja di atas tanah di mana pelanggaran tersebut telah dilakukan, majikan akan dipertanggungkan bagi pelanggaran tersebut, dan denda yang diperuntukkan baginya, melainkan dia dapat membuktikan sehingga memuaskan hati Mahkamah itu bahawa pelanggaran tersebut telah dilakukan tanpa pengetahuan dan persetujuannya dan dia telah pun mengambil semua langkah yang munasabah untuk mencegah berlakunya pelanggaran tersebut dan menguatkuasakan pematuhan peruntukan yang berkenaan;

Dengan syarat bahawa tiada apapun yang terkandung di dalam kaedah ini boleh disifatkan sebagai mengecualikan seseorang yang disebut terdahulu daripada liabiliti mengenai apa-apa penalti yang diperuntukkan oleh Kaedah-Kaedah ini bagi apa-apa pelanggaran yang telah dibuktikan dilakukan olehnya.

Tiada liabiliti ke atas pegawai

35. Tiada liabiliti boleh dipertanggungkan ke atas mana-mana pegawai berkenaan dengan apa-apa perbelanjaan, kerosakan atau kecederaan yang timbul dalam atau daripada menjalankan dengan sahnya kuasa yang diberikan kepadanya oleh Kaedah-Kaedah ini dan pegawai tersebut tidak boleh tertakluk kepada apa-apa jua tindakan, tuntutan atau permintaan yang timbul dalam atau daripada

menjalankan dengan sahnya kuasa tersebut.

Endapan mineral yang didedahkan oleh kegiatan kuari boleh dilombongkan

36. (1) Apa-apa endapan mineral berharga yang didedahkan oleh operasi kuari hendaklah dengan serta-merta dilaporkan oleh pemegang lesen, pemegang permit atau pengurus kepada Merinyu Kuari yang hendaklah memberi keutamaan mengerjakannya atau melombongkannya.

(2) Dalam hal perlombongan yang diberi keutamaan, pemegang lesen atau pemegang permit hendaklah diberi pilihan pertama untuk melombong dengan syarat dia memohon dan diberikan suatu hak milik perlombongan ke atas kawasan berlesennya.

(3) Lesen tidak perlu diserahkan balik jika pengkuarian dan kegiatan perlombongan akan dijalankan serentak.

(4) Jika pemegang lesen atau pemegang permit yang diberi pilihan di bawah subkaedah (2), gagal atau tidak berniat untuk melombong endapan mineral dia hendaklah menyerahkan balik lesennya ke atas kawasan yang berkenaan dan memberhentikan semua kegiatan kuari di atasnya, dengan syarat ia hendaklah menerima pampasan yang munasabah bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami akibat daripada penyerahan balik tersebut yang jumlahnya tidak termasuk apa-apa jumlah nilai endapan mineral.

(5) Pampasan tersebut sekiranya persetujuan tidak dicapai boleh dituntut dan ditentukan oleh guaman dalam Mahkamah yang bersesuaian.

Pengecualian

37. Menteri Besar boleh, melalui pengisytiharan dalam *Warta*, mengecualikan mana-mana orang atau mana-mana kawasan daripada mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

JADUAL PERTAMA

[subkaedah 21(3)]

KECEDERAAN BADAN YANG TERUK

1. Kehilangan tenaga batin.
2. Kehilangan kekal penglihatan mana-mana mata.
3. Kehilangan kekal pendengaran mana-mana telinga.

4. Kehilangan mana-mana bahagian atau sendi tulang.

5. Kerosakan atau kecacatan kekal kuasa mana-mana bahagian atau sendi tulang.

6. Kecacatan kekal kepala atau muka.

7. Keretakan atau perselisihan tulang.

8. Apa-apa kecederaan yang membahayakan nyawa, atau dalam hal orang yang menderita, dalam masa dua puluh hari, mengalami kesakitan badan yang teruk, atau tidak berupaya melakukan pekerjaan biasanya.

JADUAL KEDUA

[subkaedah 32 (2)]

PENGKOMPAUNAN KESALAHAN

1. Jumlah yang akan dikutip dan cara pembayaran.

   (1) Jumlah wang yang akan dikutip untuk kompaun kesalahan tidak boleh melebihi lima ratus ringgit.

   (2) Bayaran hendaklah dibuat dalam wang tunai atau kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank dibayar kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan dipalang "Akaun Penerima Sahaja".

   (3) Bayaran boleh dihantar sendiri atau melalui pos kepada orang yang membuat tawaran.

   (4) Setiap bayaran yang diterima akan dikira sebagai wang kepunyaan Kerajaan Negeri dan satu resit rasmi hendaklah dikeluarkan untuknya kepada orang yang ditawarkan kompaun.

2. Borang untuk tawaran kompaun.

   Borang seperti berikut akan digunakan untuk membuat tawaran kompaun tetapi boleh diubahsuai di mana perlu.

Kaedah-Kaedah Kuari Terengganu 2007

[subkaedah 32 (2)]
TAWARAN UNTUK MENGKOMPAUN KESALAHAN

Kepada: .....
.....
.....

Tuan,

Saya dapati bahawa tuan sebagai *pemegang lesen/pemegang permit/pengurus/pekerja .....telah melakukan kesalahan berikut di bawah Kaedah-Kaedah Kuari Terengganu 2007

Peruntukan kaedah-kaedah yang berkenaan:.....

Tarikh: ..... Masa: .....

Tempat:.....

Butir-butir kesalahan .....
.....
.....
.....

2. Tuan adalah dengan ini diberitahu bahawa, dengan kuasa yang diberikan kepada saya oleh subkaedah 32 (1) Kaedah-Kaedah Kuari Terengganu 2007, saya bersedia, dan dengan ini menawarkan untuk mengkompaun kesalahan itu untuk jumlah wang sebanyak RM..... (Ringgit: .....). Jika tawaran ini diterima, bayaran mestilah dibuat secara tunai atau kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank yang dibayar kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan dipalang "Akaun Penerima Sahaja" dan boleh dihantar sendiri atau melalui pos kepada saya di alamat berikut:

.....
.....
.....

Satu resit resmi akan luput apabila bayaran dibuat.

3. Tawaran ini akan luput pada ..... Jika bayaran sepenuhnya yang tersebut di atas diterima pada akhir masa pejabat pada tarikh itu, tiada pendakwaan akan dibuat ke atas tuan berkenaan dengan kesalahan itu. Jika tidak pendakwaan akan dijalankan tanpa notis selanjutnya.

Tarikh: .....

Pegawai yang diberi kuasa untuk mengkompaun:

Tandatangan: .....
Nama: .....
Jawatan:.....

* Potong yang tidak perlu

BORANG JAWAPAN

(Kepada pegawai yang berkuasa mengeluarkan kompaun)

.....
.....
.....
.....

Saya merujuk kepada tawaran mengkompaun kesalahan seperti rujukan ..... dan bertarikh .....

Saya terima tawaran itu dan bersama ini disertakan *wang tunai / kiriman wang / wang pos / pesanan juruwang / pesanan bank / draf bank No. ..... untuk jumlah RM ..... (Ringgit: .....) sebagai penjelasan sepenuhya kompaun.

Tandatangan: .....

Nama (Huruf Besar): .....

Alamat: .....

.....

Tarikh: .....

* Potong yang tidak perlu.

Bertarikh pada 29 Mei 2007.
[SUK.TR. ;
PTG.TR. BB/04/2006/01/01;
PUN.TR. 70 Sj 3 Bhg. 11]

A. RAHIM BIN JUSOH
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Negeri Terengganu